



Rohani sedih melihat perabotnya musnah akibat banjir yang kerap berlaku di Kampung Jimah Lama.

[FOTO NOR AZIAH OTHMAN / BH]

RM20 JUTA

peruntukan untuk mendalam dan membaiki tebing Sungai Jimah Lama



Jalan yang menjadi penghubung di kampung Jimah Lama turut runtuh akibat banjir kelmarin.

'Berumah' di dewan

» Penduduk tak tahan dilanda banjir tiga kali dalam sebulan, BN lulus peruntukan segera tangani masalah

Oleh Nor Aziah Othman
bhnews@bharian.com.my

Port Dickson

Penduduk Kampung Jimah Lama, di sini, sudah tidak tahan berdepan masalah banjir yang setakat ini sudah berlaku tiga kali hanya dalam tempoh sebulan.

Rohani Abdul Wahab, 56, berharap tindakan mengatasi masalah banjir itu dipercepatkan supaya penduduk tidak lagi kerugian harta benda dan 'berumah' di dewan sekolah.

Hujan 5 jam

"Kami bukan orang berada.

Dengan keadaan banjir lumpur yang sering melanda kampung ini, saya tidak tahu di mana lagi hendak pergi," katanya.

Kejadian banjir lumpur terbaru minggu lalu selepas hujan lima jam memaksa hampir 100 penduduk berpindah ke Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Jimah Lama.

Dalam dan baiki tebing

Rintihan Rohani dan ratusan penduduk di situ didengari dan diketahui kerajaan negeri pimpinan Barisan Nasional (BN).

Banjir yang dianggap antara terburuk di daerah ini, terutama kawasan Jimah Lama menyebabkan pihak berkuasa merangka pelan tindakan bagi mengatasinya.

Untuk itu, kerajaan negeri meluluskan peruntukan RM20 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mendalam dan membaiki tebing Sungai Jimah Lama.

Pegawai Daerah Port Dickson, Ab Khalid Mat, berkata kelulusan segera juga diberi untuk projek mendalamkan dan memberihkan Sungai Parit Tengah yang

tersumbat dengan rumput dan tanah.

"Pembetung besar juga akan ditambah di Sungai Parit Tengah bagi memastikan pengaliran air sungai lebih lancar apabila hujan lebat.


"Pelan tindakan jangka pendek ini dijangka mampu mengatasi banjir seperti yang Pejabat Daerah pernah laksanakan di Sungai Linggi sebelum ini," katanya.

Kolam takungan tak berfungsi

Bagaimanapun, Ab Khalid kesal dengan kekurangan pemantauan kerja pembangunan beberapa taman perumahan berhampiran Sendayan.

Katanya, memang ada kolam takungan air yang berfungsi menakung air dari taman perumahan sebelum dialirkan ke sungai, tetapi tidak lagi dapat menampung jumlah air yang banyak akibat kepesatan pembangunan.

Beliau juga menasihati penduduk di kawasan banjir tidak menggunakan titi buatan sendiri, yang mungkin runtuh akibat arus deras sungai ketika banjir.



“ Saya tidak menolak kemungkinan **mengambil tindakan undang-undang** atau menyensaitkan pemaju perumahan jika didapati **gagal menyediakan** kolam takungan air menyebabkan banjir berlaku”

Ab Khalid Mat,
Pegawai Daerah Port Dickson